







# SYARAHAN PERDANA BUDAYA

"INSTITUSI RAJA BERPERLEMBAGAAN : KELANGSUNGAN NEGARA BANGSA"







*Manuskrip...*

## **SYARAHAN PERDANA BUDAYA**

“INSTITUSI RAJA BERPERLEMBAGAAN : KELANGSUNGAN NEGARA BANGSA”

Dizahirkan oleh

DULI YANG MAHA MULIA

PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN

RAJA DR. NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH



HOTEL THE ROYALE BINTANG DAMANSARA

7 NOVEMBER 2012







# KANDUNGAN



- 1** KATA UCAPAN  
MENTERI PENERANGAN KOMUNIKASI & KEBUDAYAAN  
Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim
- 7** KATA ALUAN  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI & KEBUDAYAAN  
Dato' Sri Kamaruddin Bin Siaraf
- 8** KATA ALUAN  
KETUA PENGARAH  
JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA  
Dato' Norliza Rofli
- 15** MANUSKRIP SYARAHAN PERDANA BUDAYA 2012  
Duli Yang Maha Mulia  
Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan  
Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah
- 52** GALERI SYARAHAN PERDANA BUDAYA 2012
- 64** BIOGRAFI  
Duli Yang Maha Mulia  
Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan  
Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah





*Perutusan*



## KATA UCAPAN

# *Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim* MENTERI PENERANGAN KOMUNIKASI & KEBUDAYAAN

Assalamualaikum Warrahmatullahitaala Wabarakatuh,  
Ampun Tuanku, sembah patik mohon di ampun,

Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Pemangku Raja bagi Negeri Perak, seorang cendekiawan, pemimpin minda dan pelopor bagi sesuatu yang harus dibincangkan.

Ampun tuanku patik mulakan dengan frasa yang tidak sepertinya itu bagi meletakkan sesuatu yang seharusnya diletakkan pada tempatnya. Oleh yang demikian, kehadiran, persetujuan serta kelangsungan majlis petang ini adalah berasas kepada prinsip raja dan rakyat berpisah tiada. Seterusnya memandangkan bahawa Kebawah Duli Tuanku yang digelar sebagai Duli Yang Teramat Mulia, bagi patik pacal sekalian, adalah bukan saja panji-panji bagi menegakkan kebenaran dan kesejahteraan rakyat tetapi merupakan benteng kepada simbol nasionalisma sebenarnya dan asal-usul tenaga sekutu ummah. Dengan kata-kata sedemikianlah secara bersama dan bermuafakat patik pacal sekalian terasa teramat terhutang budi Kebawah Duli untuk datang bersama-sama dan mencemar duli pada petang yang penuh makna ini.

"Institusi Raja Berperlembagaan : Kelangsungan Negara Bangsa" adalah sesuatu tajuk yang dirasakan amat sesuai bagi Duli Yang Teramat Mulia membincang dan melangsungkan hujah serta pandangan. Rakyat Negara kita telah bersama-sama menerima pelbagai unjuran dan pandangan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia bukan saja berhubung dengan masyarakat, dengan kebebasan, dengan bendera atau pun lambang kebangsaan Malaysia tetapi juga berhubung dengan kedudukan raja sebagai lambang dan juga sekutu taklif kepada perlembagaan.

Syukur Alhamdulillah di atas daya keintelektualan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia,



seorang graduan yang mempunyai latar belakang akademik yang tinggi, sama ada dari segi sarjana ataupun kedoktoran falsafahnya, kita dapat petang ini bersama rakyat dan menyatakan sesuatu tentang raja berperlembagaan. Ampun Tuanku, patik seterusnya melangsungkan kata-kata ini untuk dilandaskan kepada beberapa prinsip yang antaranya melibatkan kepentingan bersama, antara kesultanan serta rakyat, antara perlembagaan dengan sekutu hak yang terlingkup di dalam keadaan semesta. Pertama-tamanya izinkan patik untuk menyampaikan salam kepada sidang hadirin.

Yang Amat Berbahagia Tun Haniff Omar, Yang Berhormat Dato' Joseph Salang; Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan, Yang Berbahagia Ketua Setiausaha; Dato' Sri Kamaruddin Siaraf; Yang Berbahagia Dato Syed Danial Syed Ahmad; Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Yang Amat Berbahagia Orang-orang Besar Negeri Perak, Yang Amat Berbahagia Ahli-ahli Dewan Negara Perak, Yang Berbahagia Pegawai-pegawai Tinggi, Ketua Pengarah JKKM, Jemputan-jemputan Khas, sidang hadirin hadirat yang dikasihi sekalian.

Sesungguhnya apa yang telah sempat saya sebutkan berhubung dengan mukadimah sebentar tadi memadai bagi kita untuk memulakan ucap-tama yang bakal disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia tetapi bak kata orang, musimnya musim tengkujuh dan ladangnya ladang padi, kita bersama-sama bersungguh-sungguh, untuk mencari apa yang sehati. Yang sehati pada masa ini ialah bagi kita mentauliahkan pemikiran kita kepada perlembagaan Malaysia sama ada yang berkaitan dengan Majlis Raja-raja di bawah Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan atau peruntukan Perkara 32 di mana yang di-Pertuan Agong sebagai ketua satu Negara ataupun Perkara 66 yang berhubung dengan kuasa legislatif raja sempena untuk meluluskan atau tidak meluluskan rang undang-undang, ataupun perkara yang berhubung dengan kedaulatan raja itu sendiri, Perkara 181 atau berkaitan dengan Mahkamah Khas yang berada di bawah Perkara 182 atau hal-hal yang berhubung dengan keistimewaan serta kemuliaan raja itu sendiri, ianya berkait rapat dengan kehidupan kita sekalian. Sebab itulah maka KPKK dan JKKN yang masing-masing mewakili Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara rasa terpanggil untuk menyembah silakan salah seorang daripada cendekiawan diraja yang sesungguhnya mewakili satu golongan yang amat penting kita rapati persahabatan dan keintiman kita. Oleh yang demikian lantaran Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku telah begitu luas mendalam menjalani pelbagai liku dan juga cabaran sama ada negeri Perak sendiri atau di perenggan yang lain adalah dirasakan bahawa ucap-tama seperti ini atau syarahan khas berhubung dengan kedudukan raja-raja sebagai satu Institusi Raja Perlembagaan dapat kita cerminkan dalam kelangsungan kenegaraan dan kebangsaan itu sendiri. Lantaran berkembangnya ilmu pengetahuan dan lantaran tersebarnya kemudahan untuk berkomunikasi, didapati dalam perenggan-perenggan tertentu sudah ramai pihak yang membelakangkan prinsip perlembagaan sehingga sanggup menutur-katakan hal-hal yang tidak sepatutnya ditutur-katakan. Di samping itu pula wujud golongan-golongan yang menganggap bahawa internet ataupun media sosial itu adalah berbeda langsung daripada kuat kuasa undang-undang negara.

Tentu sekali bagi kita menyatakan itu tidak benar, adalah terlalu mudah tetapi memadai bagi saya menyatakan bahawa undang-undang negara yang wujud memang boleh dipakai di luar atau di dalam media sosial itu sendiri termasuk internet. Oleh kerana hal ini berkaitan dengan raja berperlembagaan maka pembinaan tamadun dan budaya masyarakat harus kita langsun-gkan. Kalau pada tahun lalu, pada 10 November 2011, kita berjinak-jinak dengan Tun Dr. Mahathir dan beliau telah memberi penyampaian yang tajuk "Pembinaan Tamadun Dan Budaya Masyarakat Malaysia Ke arah Pembentukan

INGKUN RAJA TERAK DARUL  
RAJA DR. NAZRIN SHA  
SULTAN AZLAN MUHIBBUD

THE ROYALE BINTA  
7 NOVEMBER 2012





Sebuah Negara Maju", maka pada kali ini kita alihkan pula tajuknya kepada seperti yang telah diumumkan sebentar tadi. Diharapkanlah kalau alam ianya beraja, kalau sawah ianya berlopak, kalau mukim ianya berpenghulu, kalau kampung ianya berketua. Lantaran Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku memenuhi syarat pertama tadi iaitu alamnya beraja maka pandangan kedirajaanlah yang kita tunggu pada petang ini dan sekiranya dapat kita ajukan pandangan ini dalam bentuk keseluruhan dan satu persekutuan pendapat maka kita beroleh syafaat daripadanya. Sebagai penutup izinkan saya menyampaikan kepada Duli Yang Teramat Mulia satu rangkap yang amat mudah:

*kalau galah ianya mencapai buah  
kalau jambatan ianya membawa ke seberang  
kalau keris ianya membawa tuah  
kalau biduk ianya menaup kiambang.*

Itu lah tugas di raja yang dapat dilihat, semoga dalam keadaan sedemikianlah lapang dada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku menyampaikan pidato syarahan, bagi tongkat sekiranya keletihan semasa mencari jalan, apabila hilang tujuan. Dengan tujuan murni itulah dengan segala hormat takzimnya bagi pihak hadirin yang hadir, patik dan pacal yang tidak sepatunya mempersilakan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia untuk memulakan majlis

Wassalamualakum Warahmatullahitaalla Wabarakatuh

Ampun tuanku.



## KATA ALUAN

*Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf*

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI & KEBUDAYAAN**

Assalammualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh dan Salam 1 Malaysia,

Sekalung penghargaan saya zahirkan atas kesempatan untuk mencoretkan sekali lagi di dalam buku cenderahati Syarahan Perdana Budaya pada tahun ini. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara kerana memberikan sepenuh komitmen yang tinggi di dalam menjayakan program yang penuh berprestij ini.

Institusi Raja Berperlembagaan merupakan institusi pemerintahan yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri, tersusun dan merupakan kelangsungan yang harus dijaga dan dipertahankan. Kesultanan Melayu itu juga merupakan satu manifestasi, satu penerusan lambang keagungan tamadun bangsa negara Malaysia.

Pemerintahan beraja di Malaysia yang berperanan sebagai tonggak kestabilan dan teras perpaduan negara adalah asas kepada kejayaan sesebuah bangsa dan negara. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini bertaraf negara maju menjelang tahun 2020, Institusi Raja Berperlembagaan wajib dihormati dan dijadikan naungan setiap warga Malaysia tanpa mengira kaum atau agama dalam memastikan identiti bangsa kekal dilindungi dan terpelihara.



## KATA ALUAN

*Dato' Norliza Rosli*

**KETUA PENGARAH  
JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia,

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi, kerana izin dan limpah kurnia-Nya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara sekali lagi menganjurkan Syarahan Perdana Budaya yang penuh gemilang dan berprestij ini. Walaupun dengan kesuntukan masa dan pertindihan acara-acara rasmi yang diadakan di seluruh negara, namun JKKN tetap gigih dalam menjayakan program ini pada tahun 2012 ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih buat Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah yang berkenan berangkat mencemar duli menghadiri majlis dan seterusnya menzahirkan syarahan yang bertajuk "Institusi Raja Berperlembagaan : Kelangsungan Negara Bangsa". Saya turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih buat YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan dorongan di dalam menjayakan program-program yang dianjurkan oleh JKKN.

Institusi Raja Berperlembagaan merupakan lambang dan payung penyatuan kepada negara. Institusi Raja juga mampu memenuhi peranan proaktif dalam memupuk semangat dan memahami jiwa dan hasrat rakyat kebanyakan. Justeru, Institusi Raja Berperlembagaan haruslah dipertahankan, dihormati dan diperjuangkan sebagai warisan kedaulatan negara bangsa.

Sekian, terima kasih.

# SYARAHAN PERDANA BUDAYA 2012



## PENGENALAN

Institusi Raja dianggap penting dalam menjamin kestabilan negara kerana ia menjadi '*payung kedaulatan negara*', menaungi seluruh rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan anutan kepercayaan agama. Ia sekali gus melambangkan kesinambungan sejarah dan warisan negara. Kewujudan institusi Raja menjadi sebahagian daripada identiti negara dan ia dilindungi oleh perlembagaan.

Tamadun Malaysia yang wujud hari ini merupakan hasil dari satu proses sejarah yang berkesinambungan. Dari segi sejarah negara bangsa Malaysia merupakan lanjutan dari kerajaan-kerajaan terdahulu.

Menjelang tahun 2020 Malaysia akan menjadi negara maju. Bagi mencapai matlamat tersebut kerajaan telah melaksanakan beberapa dasar baru di bawah pelan transformasi kerajaan untuk pembinaan dan pembangunan bangsa dan negara, justeru pembangunan tamadun dan budaya masyarakat Malaysia perlu bergerak seiring dengan amalan Institusi Raja Berperlembagaan.

Perbincangan dan kupasan-kupasan secara ilmiah oleh tokoh-tokoh yang berwibawa amat penting sebagai kelangsungan strategi kerajaan untuk membina negara bangsa masyarakat Malaysia mengikut acuan sendiri.

Oleh itu Syarahan Perdana Budaya yang akan diadakan pada tahun ini akan menjadi panduan bagi pembinaan tamadun dan budaya rakyat Malaysia menjelang 2020 yang serasi dengan amalan Institusi Raja Berperlembagaan.

# SYARAHAN PERDANA BUDAYA 2012



## OBJEKTIF

- I. Mengenenagahkan kepentingan Institusi Raja Berperlembagaan dalam pembangunan dan pembinaan sebuah negara bangsa.
- II. Mewujudkan ruang dan platform bagi perkongsian maklumat di kalangan tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang
- III. Melahirkan masyarakat yang berilmu dan bertamadun tinggi mengikut acuan Malaysia
- IV. Meningkatkan jalinan kerjasama di pelbagai peringkat dalam pembangunan negara bangsa

Syarahan Perdana Budaya ini dapat menyemai sikap dan nilai-nilai di kalangan masyarakat Malaysia ke arah masyarakat yang bersikap keterbukaan, mempunyai kejujuran intelektual dan membina potensi sendiri yang lebih positif demi halatuju pembinaan tamadun dan budaya rakyat Malaysia.







# **SYARAHAN PERDANA BUDAYA**

**“INSTITUSI RAJA BERPERLEMBAGAAN :  
KELANGSUNGAN NEGARA BANGSA”**





# Manuskrip...

## SYARAHAN PERDANA BUDAYA

“INSTITUSI RAJA BERPERLEMBAGAAN : KELANGSUNGAN NEGARA BANGSA”

**Bismillahi Rahmani Rahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Salam Sejahtera.**

Maha Besar ALLAH yang memiliki Kerajaan, Engkau anugerahkan Kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut Kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki; Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki; di tangan Engkaulah segala kebajikan; Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu.<sup>1</sup> (Petikan: ayat dua puluh enam Surah Ali Imran)

2. Maha Suci ALLAH yang telah mengingatkan bahawa manusia diciptakan dari lelaki dan perempuan, dan dijadikan berbangsa dan bersuku, supaya manusia saling kenal mengenal; Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara manusia di sisi ALLAH ialah orang yang paling bertakwa di antara mereka. Sesungguhnya ALLAH Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.<sup>2</sup> (Petikan ayat 13, Surah Al Hudjurat)

3. Hamba-Mu ini, dengan hati yang hening – dengan ingatan yang bening, mengangkat kalimah kesyukuran setinggi-tingginya kerana dengan kudrat iradat dari mu jua Ya ALLAH, hamba-Mu, telah dikurniakan dengan akal dan lidah, membolehkan hamba Mu menyusun kata – merangkai ayat, mengungkap pandangan – menzahirkan pendapat atas mauduk “*Institusi Raja Berperlembagaan – Kelangsungan Negara Bangsa*”. Ya Tuhan ku! Lapangkanlah untuk ku dada ku; dan mudahkanlah untuk ku urusan ku; dan lepaskanlah kekakuan dari lidah ku; supaya mereka mengerti perkataan ku.<sup>3</sup> Amin, Ya Rabul Alamin.


4. Selawat kesejahteraan ke atas Rasul Junjungan dan Penghulu kami, Nabi Muhammad Sallallahu Alai Wassalam, semulia-mulia kejadian; kurniakan rahmat ke atas Baginda, demikian juga ke atas ahli keluarga dan para Sahabat Baginda yang merupakan bintang-bintang penunjuk mencernakan cahaya, seterusnya ke atas sekalian para Tabiin dan para ulama yang berperanan sebagai penyuluh daripada kegelapan. Semoga memperoleh ihsan daripada ALLAH Subhanahu Wata'ala sehingga ke hari kebangkitan.

5. Mauduk Raja dan Negara Bangsa, ada kaitan dengan ayat dua puluh enam, *Surah Ali Imran*, akan peringatan ILAHI di kalangan yang diangkat martabatnya dan diamanahkan sebagai Raja, dan ayat tiga belas, *Surah Al Hudjrat* menyentuh seruan dan peringatan ILAHI terhadap seluruh umat manusia yang merupakan komponen mewujudkan negara bangsa.

6. Mauduk ini menyentuh peranan dan tanggung jawab nakhoda, menakhodai sebuah bahtera untuk mengharungi gelombang pelayaran di maya luas. Raja laksana nakhoda, negara bangsa laksana bahtera, laluan yang ditempuhi laksana gelombang pelayaran. Yang diperlukan, kebijaksanaan dan kearifan nakhoda, melayari bahtera dalam keadaan padu dan selamat agar tidak tenggelam dalam badai gelombang samudera.

7. Institusi Raja, adalah subjek istimewa dan amat menghidupkan minda. Beta mengisytiharkan kepentingan langsung Beta, yang telah ditentukan oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala sebagai pewaris takhta, dan sering kali diamanahkan menyempurnakan tanggung jawab Pemangku Raja. Oleh itu, Beta tidak terlepas dari melakukan penilaian bersifat peribadi. Namun ia sebenarnya memberikan kelebihan, membolehkan Beta melakukan penilaian dari perspektif dalaman serta mengupayakan Beta melakukan taksiran, berfakta pengalaman sebenar tentang dinamisme institusi tersebut. Sesungguhnya, lebih banyak peranan yang disempurnakan oleh Raja itu berlaku secara tersirat, tetapi amat menghidupkan lagi mencabar. Cabaran-cabaran yang perlu ditangani berpandukan hikmah, kebijaksanaan, kearifan dan kematangan. Peranan yang perlu disempurnakan seadil dan sesaksama mungkin tanpa perlu di uar-uarkan. Malah apa yang tidak diperkatakan oleh lidah dan apa yang dibisikkan oleh hati, sering kali lebih berkesan dari riuh rendah tempik dan sorak.

**“ Raja laksana nakhoda, negara bangsa laksana bahtera, laluan yang ditempuhi laksana gelombang pelayaran. Yang diperlukan, kebijaksanaan dan kearifan nakhoda..... ”**



“ Apabila Raja menemui kata muafakat, warga mencapai kata sepakat. ”



8. Institusi Raja adalah kesinambungan kepada sistem Kerajaan dan pemerintahan yang telah berakar subur di bumi ini untuk sekian lamanya. Ketika merangka formula membentuk kerajaan merdeka, sistem pemerintahan beraja terlalu berharga untuk dilepaskan, sebaliknya kekal diluhurkan dengan sebaik-baik pendekatan dalam Perlembagaan Persekutuan, begitu juga Perlembagaan Negeri.<sup>4</sup> Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum) telah memilih untuk mengasaskan sistem berkerajaan dan bernegara yang menggabungkan institusi Raja dengan institusi rakyat, memperkenalkan konsep Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Kedaulatan Raja diberikan wajah baru, dirangkaikan dengan suara rakyat dalam satu ikatan harmoni.<sup>5</sup>

9. Raja Berperlembagaan adalah satu kelangsungan pemerintahan beraja; kelangsungan yang dianggap ketinggalan zaman di kalangan setengah pihak yang rabun sejarah, lalu melakukan tafsiran dangkal, memilih untuk tidak mahu mengakui dan kurang mahu mendalami salasilah dan falsafah di sebalik institusi ini. Unsur-unsur ketidakselesaan peribadi, telah mempengaruhi minda pihak-pihak tertentu, bersifat prejudis - berprasangka negatif terhadap institusi Raja, hingga ke tahap mengetepikan penilaian objektif, menidakkan penilaian rasional, menggugurkan penilaian adil, akan dinamik serta evolusi perkembangan pemerintahan beraja yang telah direkayasa dan ditakrifkan semula agar kekal relevan dan menetapi keperluan senario semasa. Takrifan semula peranan institusi Raja, telah menyuntik elemen-elemen baru dari segi struktur, fungsi, kerelevanan dan keberkesanan berpandukan *Perkara-Perkara* yang termaktub dalam *Perlembagaan Merdeka* yang digubal untuk sebuah negara Persekutuan yang baru dimasyhurkan.

10. Persekutuan Tanah Melayu ketika mempunyai opsyen untuk menggubal Perlembagaan Merdeka tidak sekadar mengekalkan tradisi beraja di peringkat negeri tetapi turut memperkenalkan satu lagi lapisan pemerintahan beraja ke dalam sistem Persekutuan melalui pelantikan seorang Raja bertaraf lebih tinggi, sekali gus mengangkat martabat institusi Raja Melayu ke tahap lebih agung.<sup>6</sup> Institusi Raja lantas abadi bertenaga, berjaya mengekalkan tradisi dalam modenisasi; meneruskan kekayaan istiadat beraneka warna, kukuh teranyam dalam budaya negara bangsa.

11. Matlamat dan visi umum, ketika tertubuhnya sebuah Persekutuan yang merdeka dan berdaulat adalah untuk menyatupadukan warga yang berlatar belakangkan pelbagai agama, pelbagai negeri, pelbagai kaum, pelbagai budaya, pelbagai bahasa, pelbagai status sosioekonomi. Untuk itu perlu ada satu fokus tumpuan utama yang berpotensi diterima sebagai titik penyatuan dalam kepelbagaian. Titik tumpuan utama itu diletakkan kepada seorang Ketua Negara, untuk warga dapat bernaung, yang berupaya menguasai ketaatsetiaan setiap warga. Matlamat dan visi tersebut memerlukan perwujudan satu institusi baru, seorang Kepala Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, Raja kepada seluruh Persekutuan, secara harfiahnya gelaran tersebut bermaksud '*Dia yang terulung dari kalangan kami – primus inter pares*'<sup>7</sup> mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan.<sup>8</sup> Yang di-Pertuan Agong adalah payung mahkota negara - lambang negara bangsa. Baginda melambangkan sumber keadilan, mengurniakan keampunan, menawarkan keistimewaan, tunggak keutuhan, gerbang kebebasan dan payung kehormatan.<sup>9</sup>

12. Siapakah di kalangan sembilan Raja Melayu yang layak dinobatkan? Persoalan ini diselesaikan dalam semangat syura, mengadaptasi prinsip demokrasi dengan memperkenalkan susunan adab, menabalkan Yang di-Pertuan Agong secara bergilir setiap lima tahun, di kalangan sembilan Raja Melayu; satu amalan yang sangat unik, satu amalan yang tidak terdapat sebelumnya di mana juga di dunia ini. Raja-raja telah memberi perkenan kepada penciptaan amalan pelantikan Yang di-Pertuan Agong melalui Majlis Raja-Raja mengikut yang terkandung dalam *Perkara (38) Perlembagaan Persekutuan*. Atas prinsip, Yang di-Pertuan Agong adalah Kepala Utama Negara, berkedudukan terulung dan mengambil keutamaan, dapat dirumuskan bahawa forum yang bertanggung jawab untuk melantik Yang di-Pertuan Agong, sebenarnya merupakan badan perundangan dan majlis syura tertinggi di dalam negara. Sepuluh perkara menurut yang termaktub dalam *Perkara 2(b), Perkara 38(4) dan Perkara 159 (5) Perlembagaan Persekutuan*, tidak boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja.

13. Majlis Raja-Raja adalah perintis kepada konsep penubuhan sebuah Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 yang menggabungkan sebelas negeri pada mulanya dan menjadi tiga belas negeri setelah penubuhan Malaysia. Majlis Raja-Raja adalah kesinambungan kepada *DURBAR* yang telah dibentuk pada tahun 1897. Sebelum





**“Warga memohon restu Raja membantu untuk mendapat keadilan, untuk mendapat kesaksamaan, untuk membetulkan ketempangan, untuk meluruskan perjalanan.”**



terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu, Raja-raja Melayu adalah jurubicara utama, lidah yang menzahirkan denyut hati dan denyut nadi warga. Peranan raja Melayu diiktiraf. Empat Raja Melayu Negeri-negeri Bersekutu dilantik menganggotai Majlis Mesyuarat Persekutuan yang ditubuhkan dalam tahun 1909.<sup>10</sup>

14. Adalah amat menyimpang jika Majlis Raja-Raja dianggap sekadar institusi memenuhi keperluan *ceremonial*. Rejimen Askar Melayu Diraja, Pegawai Tadbir Melayu, status agama Islam, penggunaan Bahasa Melayu dalam pentadbiran, milik tanah, pendidikan bangsa, bidang kuasa penghulu dan kadi, emansipasi wanita Melayu, adalah antara tuntutan yang dizahirkan oleh Raja-raja Melayu melalui DURBAR. The Malay College Kuala Kangsar, Sultan Idris Training College, Kolej Tunku Kursiah dan penubuhan Tabung Pendidikan dan Biasiswa di setiap negeri, dilaksanakan susulan dari titah Raja-raja Melayu. Melalui DURBAR Raja-raja Melayu melahirkan kebimbangan terhadap sektor perlombongan yang meminggirkan orang Melayu sedangkan sektor pertanian yang merupakan sumber utama ekonomi Melayu begitu diabaikan.

15. Raja-raja Melayu amat berwaspada dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Dasar British yang membuka pintu secara luas kepada pelabur asing dan imigrasi pelbagai bangsa sejak kurun kesembilan belas sehingga pertengahan kurun kedua puluh, dibimbangkan menggugat kedudukan orang Melayu. Kebimbangan tentang kemasukan kaum imigran secara besar-besaran dizahirkan melalui DURBAR. Demi memastikan orang Melayu tidak menjadi minoriti di bumi warisan pusaka bangsanya, Raja-raja Melayu menzahirkan saranan kepada pentadbiran Inggeris supaya tenaga kerja asing diimbangkan dengan turut mengambil tenaga kerja dari kalangan orang-orang Jawa. Raja-raja Melayu turut menzahirkan kebimbangan terhadap pelantikan Sir Henry Gurney sebagai Pesuruhjaya di Tanah Melayu berasaskan apa yang dilakukan oleh Henry Gurney terhadap penduduk Arab ketika bertugas sebagai Setiausaha Negara di Palestin.<sup>11</sup>

16. Majlis Raja-Raja adalah gerbang pembuka laluan ke arah penyatuan. Ketika kesetiaan warga kepada negeri masing-masing begitu mendalam – ketika warga memiliki kebanggaan terhadap warisan, adat dan tradisi setempat, Raja-raja Melayu telah mempamerkan jiwa besar memberi perkenan menyerahkan kedaulatan negeri masing-masing untuk membolehkan penubuhan sebuah Persekutuan. Jiwa besar yang

dipamerkan oleh Raja-raja Melayu telah memudahkan penggubalan *Perlembagaan Persekutuan* yang dapat disiapkan dalam tempoh sembilan belas bulan, antara Januari 1956 sehingga Julai 1957. Sesungguhnya sembilan Raja Melayu pada hakikatnya telah membuktikan sebaik contoh semangat untuk merealisasikan perwujudan sebuah negara bangsa dengan perkenan mengurniakan sebahagian besar kedaulatan dan kuasa negeri masing-masing untuk membolehkan tertubuhnya sebuah Persekutuan di bawah konsep *Federalisme*. Apabila raja menemui kata muafakat, warga mencapai kata sepakat.

17. Namun dalam mengurniakan perkenan, Duli-Duli Yang Maha Mulia itu, kekal menjunjung sumpah setia kepada bangsa dan watan. Raja-raja Melayu secara tegas menetapkan syarat, untuk memastikan akan kekal terjamin kedaulatan negara, status agama Islam, bahasa Melayu, tanah simpanan Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain, pertahanan negara serta kedaulatan Raja-raja, demi menjamin bangsanya tidak berdagang di bumi sendiri. Syarat tersebut termaktub dalam tujuh wasiat yang ditegaskan ketika Duli-Duli Yang Maha Mulia itu menurunkan tanda tangan pada 5 Ogos 1957, mengurniakan perkenan akan pembentukan *Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu*.

18. Maka terbina sebuah negara - tercipta aturan pemerintahan beraja dan amalan demokrasi yang istimewa sifatnya. Institusi Raja berperanan sebagai instrumen kesatuan dalam kepelbagaian. Raja bersemayam di Takhta Kerajaan, berada di atas, berpendirian berkecuali dari polemik politik kepartian, kekal memberikan satu jaminan ketenteraman psikologi di kalangan warga yang terdiri dari pelbagai kaum, pelbagai agama, pelbagai budaya, pelbagai bahasa. Profesor Harry Groves dalam tahun 1964 mencatatkan pemerhatian beliau bahawa pemerintahan beraja memberikan satu simbol perpaduan yang ketara dalam sebuah negara yang terpapar mempunyai kepelbagaian.<sup>12</sup>

19. Kamus Dewan mentakrif Negara Bangsa sebagai negara berdaulat yang didiami oleh satu bangsa.<sup>13</sup> *Negara* ialah entiti politik - entiti geopolitik, sementara *bangsa* adalah entiti budaya - entiti etnik; *Negara Bangsa* adalah satu konsep kenegaraan yang memperoleh pengesahan politik; satu entiti bagi satu-satu bangsa dalam sebuah wilayah berdaulat; istilah Negara Bangsa menyepadukan negara dan bangsa; dipertaut melalui perkongsian wilayah bersama, ekonomi bersama, serta mempunyai unsur-unsur subjektif

**“ Baginda melambangkan sumber keadilan, mengurniakan keampunan, menawarkan keistimewaan, tunggak keutuhan, gerbang kebebasan dan payung kehormatan. ”**



**“ Raja bersemayam di takhta kerajaan memerintah dan bukan mentadbir, berada di atas segala urusan politik dan urusan pentadbiran harian negara. ”**



bersama;<sup>14</sup> ia menandakan bahawa warganya telah bersedia berkongsi satu bahasa - satu budaya - satu nilai – satu wawasan.<sup>15</sup> Negara Bangsa adalah komuniti politik, warganya terangkum dalam sebuah wilayah yang mempunyai simbol-simbol kewibawaan yang dijadikan asas untuk memupuk nilai-nilai patriotisme, kebanggaan dan jati diri.<sup>16</sup>

20. Membina *Negara Bangsa* adalah proses yang kompleks – proses yang rumit – proses yang berterusan. Ketika Negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, yang dilahirkan ketika itu hanyalah sebuah negara baru dan bukannya bangsa; negara merdeka yang mempunyai kedaulatan ke atas warga dan wilayah yang ditetapkan, tetapi bangsa Malaysia belum wujud.<sup>17</sup>

21. Penubuhan Persekutuan dalam tahun 1957 disusuli dengan pembentukan Malaysia, adalah pencapaian penubuhan sebuah negara merdeka, sementara membangunkan negara bangsa adalah proses yang masih dirintis, masih menghadapi pelbagai cabaran dan sangat dibimbangkan bahawa cabaran yang dihadapi dalam usaha membina sebuah negara bangsa yang teguh bersatu – kukuh berpadu, kini menghadapi ujian lebih besar dan bertambah rumit. Semakin bertambah usia negara, warga bagaikan semakin lebih terpisah. Pelbagai istilah penyatuan diperkenalkan - pelbagai slogan direka cipta, pelbagai logo dilakar, pelbagai lirik dikumandangkan. Ia masih tidak memperlihatkan impak keberkesanan menurut yang diimpikan. Malah slogan ke arah membentuk satu warga bangsa, akhir-akhir ini, lebih banyak menimbulkan keraguan, lebih mengundang kontroversi; semakin dipolemikkan – semakin dipolitikkan.

22. Kerencaman agama, kaum, budaya dan bahasa, ditambah dengan taburan demografi, perbezaan antara warga bandar dengan warga desa, antara generasi tua dengan generasi muda, antara yang miskin dengan yang kaya telah mewujudkan jurang yang semakin merenggangkan warga. Ditambah dengan perbezaan pencapaian akademik, pencapaian sosioekonomi, perbezaan pendedahan antara siswazah Institusi Pengajian Awam dengan siswazah Institusi Pengajian Swasta, perbezaan nilai di kalangan produk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama, sekolah vernakular dan sekolah antarabangsa. Begitu pula dengan perbezaan minda di antara tenaga kerja di sektor awam dengan tenaga kerja di sektor swasta. Kafilah-kafilah politik pula semakin mengadaptasi budaya berkonfrontasi dan semakin tidak menghargai budaya konsultasi. Warga kini semakin keliru, akibatnya warga semakin terpisah dari bersatu.

23. Kesungguhan hasrat membina negara bangsa perlu dilandaskan atas minda dan melalui hati terbuka, diperkukuhkan dengan keikhlasan mahu mencipta penyatuan dan bekerja untuk mencapai penyatuan. Dalam mencari formula penyatuan, semangat perdamaian adalah kunci. Perlu ada keberanian di pihak yang bertelagah untuk memeriksa kelemahan diri. Perlu ada kekuatan di pihak yang bertelagah untuk mengaku kesilapan sendiri. Dalam apa juga krisis dan dalam setiap konflik, tidak ada pihak yang betul semua dan tidak juga ada pihak yang salah semua. Perdamaian akan hanya tercapai bila ego bersifat betul semua dan menang semua dapat digugurkan. Cahaya perdamaian akan ditemui jika kekalahan dalam persaingan dapat diterima dengan keredaan, sebagai hukuman ILAHI di atas kelemahan diri dan kesilapan sendiri.

24. Alhamdulillah, bumi dan tanah air milik kita, sehingga hari ini, dilindungi ILAHI dari ditimpa malapetaka atau bencana besar. Bumi dan tanah air milik kita terus dilimpahi rahmat ILAHI. Diturunkan hujan sepanjang tahun, dipancar mentari sepanjang musim; dikurniakan tanah subur untuk berladang, diperkaya perut bumi dengan pelbagai sumber. Ia rezeki, rahmat kurniaan ILAHI seperti yang telah dijanjikan oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala kepada setiap insan di maya ini. Ia milik setiap insan, untuk ditadbir urus secara amanah, diagihkan secara saksama, dipelihara secara lestari, diwasiatkan kepada generasi muka. Ia bukan untuk dibolot secara rakus oleh segelintir warga bersifat haloba hingga kerosakannya perlu dibayar dengan harga tinggi oleh generasi pewaris.

25. Kini peristiwa yang semakin meningkatkan kegelisahan warga kian bertambah. Warga ketara kecewa, hampa, kesal dan mual dengan gelagat-gelagat politik yang semakin keterlaluan. Politik menjelma dalam bentuk ketaksuban dan mendominasi tata urus negara, hingga segala-galanya, penglihatan, pendengaran, pengucapan, kegiatan dan penggunaan sumber semakin berpaksikan politik. Matlamat jangka pendek politik bagaikan mengatasi kepentingan jangka panjang kelangsungan negara bangsa.

26. Lebih membimbangkan, apabila institusi-institusi utama negara, kini kelihatan mula terseret dalam kancah politik kepartian. Akibatnya, integriti, profesionalisme, imej neutral serta tidak partisan institusi-institusi tersebut semakin dipertikaikan. Apabila institusi-institusi utama negara, terutama yang diamanahkan untuk mendaulat dan menguatkuasakan undang-undang serta melaksanakan hukum dan keadilan, mula kehilangan integriti,



# HAIK PERDANA D

RAJA BERPERLEMBAGAAN : KELANGSUNGAN NE

Dizahirkan oleh

DULI YANG MAHA MULIA  
PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN  
RAJA DR. NAZRIN SHAH  
IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH

THE ROYALE BINTANG DAMANSARA

7 NOVEMBER 2012





**“ Raja, termaktub di dalam Perlembagaan diwujudkan berasas undang-undang. Sepuluh peratus atau 19 dari 183 Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah Perkara-perkara berkaitan Raja. Berpandukan Perlembagaan, adalah jelas dan nyata, Raja Berperlembagaan di Malaysia berperanan penting dalam struktur Kerajaan dan negara bangsa. ”**

akan terhakislah budaya hormat dan keyakinan warga. Suasana ini jika berlarutan, memungkinkan warga beralih kepada opsyen-opsyen lain, memungkinkan berlakunya suasana '*tanpa perundangan*' (lawlessness), memungkinkan negara terjerumus ke dalam anarki. Barang disimpangkan ALLAH, suasana sedemikian melanda negara bangsa kita. Oleh itu, trend yang tidak sihat ini perlu dihentikan demi penerusan hayat sebuah negara bangsa yang stabil, aman, makmur lagi sejahtera.

27. Istana mungkin berpagar tinggi, namun ia tidak menghalang kepada berita dan peristiwa menembusi jendela – menembusi pintu istana. Kebelakangan ini, semakin banyak cerita – semakin banyak berita yang diangkat sembah kepada Raja, secara langsung – secara perantaraan, secara percakapan – secara tulisan. Warga memohon restu raja membantu untuk mendapat keadilan, untuk mendapat kesaksamaan, untuk membetulkan ketempangan, untuk meluruskan perjalanan.

28. Raja bersemayam di takhta kerajaan, memerintah dan bukan mentadbir, berada di atas segala urusan politik dan urusan pentadbiran harian negara. Apakah yang harus dilaksanakan oleh raja. Adakah Institusi Raja hanya simbol dan monumen hiasan kaku, tanpa nyawa – tanpa jiwa, sekadar pelengkap memenuhi adat rakyat beraja – negeri bersultan; sekadar berfungsi untuk menyempurnakan acara keraian, memotong reben – melepas belon – memalu gong – menarik tirai. Adakah dalam suasana kegelisahan warga ini, raja dikehendaki bersifat pasif, membisu seribu bahasa. Ketika warga dilanda resah, adakah raja diunjurkan terus bermain catur di dalam istana atau berburu ke padang datar atau menuba ikan di kuala sungai. Ketika warga dilambung resah, adakah raja memadai terus beradu di kamar istana dan membiarkan masa hadapan negara bangsa ditangani secara eksklusif oleh kumpulan politik semata-mata.

29. Segala yang berlaku ketika ini sedang diikuti oleh istana secara dekat, diteliti dan dihalusi, ditimbangkan cerita – diimbangkan berita. Raja juga dikurniakan ILAHI dengan akal – dengan fikiran, dilengkapi dengan deria – disempurnakan dengan hati. Raja juga memikul amanah ALLAH Subhanahu Wata'ala yang wajib dipenuhi. Sebagai *Amirulmukminin*, Raja juga bertanggung jawab menyempurnakan tuntutan *Fardu Kifayah* kepada watan - kepada ummah. Setiap minggu di mimbar Jumaat, Katib mendoakan - jemaah mengaminkan, akan kesejahteraan raja, agar raja berdaulat lagi mulia, gagah

lagi perkasa, memerintah secara adil lagi saksama, supaya negara aman, sentosa, selamat lagi sejahtera. Rakyat semestinya meletakkan harapan agar doa mereka dikabulkan ILAHI. Ia tidak sekadar doa, ia juga seruan – ia juga peringatan, akan tanggung jawab dan harapan yang diletakkan kepada raja.

30. Di era Kesultanan Melayu Melaka, daulat dikaitkan dengan karisma raja dan tuah raja, apabila negeri aman, makmur dan kaya raya, tanaman dan tumbuhan subur di ladang, ternakan membiak, rakyat bertambah; maka raja yang memerintah dianggap bertuah dan tinggi berdaulat.<sup>18</sup> Hujjatul Islam Imam Abu Hamid al-Ghazali dalam Kitab Ketatanegaraan, *Nasihatul Muluk (Nasihat untuk Raja-raja)* yang ditujukan kepada para pemimpin Islam sezamannya, menyemaikan budaya ilmu dan tata cara pentadbiran yang menegaskan perpaduan negara, berdasarkan kefahaman bermakna mengenai tuhan, hakikat alam semesta, kehidupan dan kehidupan selepas mati.<sup>19</sup> Islam menegaskan agar pemerintah menyayangi rakyat dan tentunya rakyat akan membalas kasih sayang tersebut.<sup>20</sup> Pemerintah sewajibnya menghayati sifat-sifat agung ALLAH Subhanahu Wata'ala, sifat-sifat Maha Pengasih – Maha Penyayang, Maha Pemurah – Maha Pengampun yang mengatasi sifat murka Nya. Terkandung dalam kitab *al-Fawaid al-Bahiyah* tulisan Nuruddin al-Raniri akan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alai Wassalam akan peranan dan tanggung jawab seorang raja; bahawa sehari amalan seorang raja yang adil, lebih afdal dari amalan seorang yang beribadat selama enam puluh tahun; bahawa raja yang zalim atau mengkhianati rakyatnya dan tidak menasihati mereka, tidak akan mencium bau syurga.<sup>21</sup>

31. Nyatalah raja mendukung amanah berat, dan peranannya bukan sahaja dinilai oleh warga di dunia ini, tetapi akan turut diadili di Padang Mahsyar nanti. Di Mahkamah Rabbuljalil, berhadapan ALLAH Yang Maha Esa, raja ketika itu sudah tidak ada Peguam Negara; ketika itu raja juga bergantung kepada amal makruf yang telah disempurnakan untuk menjadi Peguam Belanya. Raja, termaktub di dalam Perlembagaan diwujudkan berasas undang-undang. Sepuluh peratus atau 19 dari 183 Perkara di dalam *Perlembagaan Persekutuan* adalah *Perkara-Perkara* berkaitan raja. Berpandukan Perlembagaan, adalah jelas dan nyata, Raja Berperlembagaan di Malaysia berperanan penting dalam struktur Kerajaan dan negara bangsa.<sup>22</sup>

# SYARAHAN PER

“INSTITUSI RAJA BERPERLEMBAGAAN”

Dizahirkan

DULI YANG M

RAJA PER

DR. NA

AZLAN M

ROYALE BI

7 NOVEM

RIAN  
NGAN  
KASI  
YAAN

“*....bahawa pemerintahan beraja memberikan satu simbol perpaduan yang ketara dalam sebuah negara yang terpapar mempunyai kepelbagaian...*”





“ Apabila Raja menemui kata muafakat, warga mencapai kata sepakat. ”

32. *Perlembagaan Persekutuan* meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara,<sup>23</sup> secara undang-undang menganggotai tiga cabang Kerajaan yang terdiri dari cabang Perundangan, cabang Eksekutif dan cabang Kehakiman. Parlimen mengandungi tiga komponen, terdiri dari Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.<sup>24</sup> Diperuntukkan supaya Yang di-Pertuan Agong menurunkan cap mohor kepada Rang Undang-Undang yang telah diluluskan oleh Badan Perundangan.<sup>25</sup> Baginda mempunyai kuasa memanggil, menanggung dan membubarkan Parlimen.<sup>26</sup> Baginda adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan. Baginda berkuasa mengampuni dan menanggungkan sesuatu hukuman.<sup>28</sup> Baginda bertanggung jawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain.<sup>29</sup> Baginda diperuntukkan budi bicara melantik seorang Perdana Menteri, tidak mempersetujui permintaan membubarkan Parlimen, menitahkan supaya diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja untuk membincangkan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.<sup>30</sup> Baginda adalah Ketua Agama Islam bagi negeri Baginda di samping berperanan sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.<sup>31</sup> Baginda diperuntukkan kuasa melantik dan membatalkan lantikan jawatan Menteri dan Timbalan Menteri.<sup>32</sup> Baginda diperuntukkan kuasa membuat pengisytiharan darurat<sup>33</sup> serta mengisytiharkan apa-apa ordinan sekiranya kedua-dua Dewan Parlimen tidak bersidang secara serentak.<sup>34</sup> Baginda diperuntukkan kuasa atas nasihat Perdana Menteri untuk melantik ahli Suruhanjaya Pasukan Polis,<sup>35</sup> dan menurut budi bicara setelah menimbang nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja melantik ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.<sup>36</sup> Majoriti ahli-ahli Majlis Angkatan Tentera adalah atas lantikan Baginda.<sup>37</sup> Bahagian Sembilan, *Perlembagaan Persekutuan* menggariskan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam bidang Kehakiman.<sup>39</sup> Atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja Baginda melantik Juru Audit Negara,<sup>40</sup> sementara Peguam Negara dilantik oleh Baginda atas nasihat Perdana Menteri.<sup>41</sup> Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan lima ahli Suruhanjaya Pilihan Raya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja<sup>42</sup> dan Baginda dipertanggungjawab untuk memastikan Suruhanjaya Pilihan Raya mendapat kepercayaan awam.<sup>43</sup>

33. Demikian senarai peranan dan tanggung jawab Yang di-Pertuan Agong yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu amatlah tidak munasabah jika jawatan Ketua Utama Negara itu diwujudkan sekadar untuk menyempurnakan tugas-tugas *ceremonial* atau dianggap boneka untuk menurunkan mohor perkenan kepada setiap dokumen yang dipersembahkan, dengan mata tertutup, mulut terkunci dan tangan terikat, diwajibkan tanpa opsyen memberi sepenuh perkenan tanpa soal atas apa juga nasihat yang diangkat sembah kepada Baginda, meskipun nasihat tersebut menyimpang dari undang-undang atau tergelincir dari landasan keadilan atau berunsur penindasan atau boleh memudaratkan negara bangsa.

34. Dunia terus menyaksikan berlakunya kejutan di luar jangkaan. Dalam seni peperangan *Sun Tzu* memperkenalkan istilah 'kejutan' atau '*the element of surprise*'. Renungan *Sun Tzu* amat tepat kerana elemen kejutan berlaku sepanjang masa. Tenggelamnya kapal *Titanic*, Serangan *Pearl Harbour*, ketewasan General Mc Arthur dalam Perang Korea, kemaraan tentera Jepun di British Malaya, ledakan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki, pencerobohan Iraq ke atas Kuwait, Peristiwa 11 September di Pusat Dagangan Dunia di New York, *Tsunami*, adalah antara contoh berlakunya elemen kejutan. Elemen kejutan mencetuskan situasi dan cabaran baru yang tidak ada *duluan* atau *precedent* untuk dijadikan rujukan, lalu tidak tertangani oleh kaedah penyelesaian konvensional sedia ada. Elemen kejutan di luar jangkaan, sering kali mencetuskan suasana cemas. Pada ketika dan waktu tercetusnya tragedi kejutan yang mencemaskan, takhta secara bijaksana perlu menimbangkan peranan untuk membuktikan elemen pertanggungjawaban kepada warga.

35. *Perlembagaan Persekutuan* adalah undang-undang tertinggi di dalam negara. Terkandung 183 perkara di dalamnya untuk dijadikan rujukan. Perlembagaan sesebuah negara, *sui generis* sifatnya, ia itu, berada dalam kelas tersendiri. Majoriti Perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan tersurat terang dan nyata; tetapi dalam menghadapi situasi kejutan, yang mencetuskan senario baru, mungkin tidak ditemui perkara yang tersurat secara nyata. Lalu akan timbul kawasan kelabu, di antara yang tersurat dengan yang tersirat; di antara yang terang tertulis dengan semangat yang terselindung di sebalik yang tertera.





**“ Mengekalkan kuasa atau usaha untuk mendapatkan kuasa bukan segala-galanya. Negara bangsa lebih besar harganya dan tidak harus dileburkan dengan pendekatan politik yang memilih untuk berkerat rotan – berpatah arang..... ”**

**“ Institusi Raja adalah penerusan tradisi untuk mengekalkan identiti negara bangsa, satu lambang kedaulatan – payung mahkota negara. ”**



36. Situasi sedemikian menuntut kepada perlunya dirintis langkah yang bijaksana. Dalam situasi sedemikian, raja perlu bijaksana mengaplikasi kuasa budi bicara supaya apa juga ketetapan yang dititahkan akan memberikan sebaik-baik manfaat kepada negara bangsa. Dalam hasrat merumus ketetapan yang bijaksana, raja perlu mendapat pandangan seluas dan sedalam mungkin, dari seramai pihak, merentasi sempadan kaum - sempadan budaya - sempadan politik, dari dalam dan luar kerajaan, merangkumkan pendapat ulama dan umara, para akademia dan para intelek, warga tua dan warga muda, menganalisis segala fakta secara mendalam, halus lagi teliti, membezakan antara padi dengan antah, antara kaca dengan permata, sebelum mengaplikasikan kuasa budi bicara yang diperuntukkan. Kebijaksanaan menggunakan budi bicara secara tepat, betul, adil dan pada masanya, amatlah penting. Ia memerlukan hikmah dan dizahirkan secara berhemah. Hikmah adalah himpunan kumulatif kebijaksanaan, terkumpul sebagai khazanah melalui asuhan, bimbingan, didikan, pengajian, pengamatan, kematangan serta amal dan pengalaman. Hikmah memberikan kelebihan membolehkan seseorang insan secara tenang dan tenteram membuat rumusan tepat lagi bijaksana, ketika berhadapan situasi kejutan di luar dugaan. Berdasarkan pendedahan dan pengalaman peribadi yang Beta tempuhi, sesungguhnya, himpunan dan gabungan pengalaman Raja-raja adalah khazanah amat berharga yang sangat relevan lagi dapat membantu negara bangsa ketika berhadapan situasi kejutan di luar jangkaan.


37. Dalam sejarah singkat politik Malaysia, negara turut mengalami elemen kejutan. Peristiwa pahit 13 Mei susulan dari Pilihan Raya umum 1969 adalah insiden yang berlaku di luar jangkaan. Perimbangan kuasa politik pasca Pilihan Raya umum 2008 adalah satu lagi contoh berlakunya elemen kejutan di luar jangkaan. Sehingga ke hari ini, meskipun telah lima puluh enam bulan berlalu, masih ramai yang belum dapat bangun berjalan lurus akibat kesan pukulan kejutan tersebut. Masih ramai yang tidak dapat memamah realiti yang berlaku. Landskap politik negara, sebenarnya telah berubah. Lebih cepat hakikat perubahan ini diterima, lebih cepat penambahbaikan dan perubahan positif dapat diperkenalkan. Warga perlu membina kekuatan - melakukan persediaan menghadapi realiti tata cara baru untuk membangunkan sebuah negara bangsa dalam budaya dan landskap politik yang baru. Meminjam kata-kata peringatan Perdana Menteri, bahawa *Era Kerajaan Tahu Semua Sudah Berakhir*.

38. Sesungguhnya, kelangsungan sistem beraja yang terus abadi pada hari ini, adalah atas hikmah dan kebijaksanaan Raja-Raja Melayu, merekayasa struktur dan peranan, dalam semangat syura dan mesyuarah, dalam semangat sedia memberi dan sedia menerima, memilih menyertai bersama arus warga dalam gerakan untuk mencapai kemerdekaan dan dalam usaha untuk membina negara bangsa yang berdaulat.

39. Dalam usaha ke arah melangsungkan *survival* negara bangsa, apakah pereka yasaan yang harus dilaksanakan dalam iklim dan landskap politik di era ini. Senarainya pasti panjang, tuntutananya pasti banyak. Namun perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama; yang utama didahulukan demi menjamin kelangsungan sebuah negara bangsa yang berdaulat, aman, makmur lagi sejahtera. Dalam batasan pengalaman yang ada, dengan ilmu panjang sejengkal, dengan kain panjang sehasta, Beta memilih menzahirkan enam unjuran.

Pertama: Kekal menghormati piagam awal yang telah dipersetujui bersama yang menjadi asas utama penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dengan tidak menyentuh perkara-perkara sensitif yang telah dipersetujui, paling utamanya agama. Agama adalah perkara paling sensitif, berpotensi besar mencetuskan konflik yang memungkinkan persengketaan. Kebelakangan ini, garis sempadan menyentuh agama Islam kelihatan semakin berani dilanggar – malah ada di kalangan bukan Islam yang semakin lantang mencabar perkara-perkara berkaitan Islam melalui ucap kata, bernada mempersendakan syariat – memperkecilkan aqidah umat Islam, merendah-rendahkan amalan Islam. Perbuatan tersebut, nyata telah melanggar sempadan, telah melanggar adat resam beragama secara aman dan damai – telah menghiris dan melukakan hati umat Islam. Tatasusila menghormati agama lain – tatasusila tidak memperkecilkan agama lain – tatasusila untuk tidak mencampuri urusan agama lain adalah tatasusila yang wajib dipatuhi, selaras dengan maksud yang terkandung dalam ayat tiga hingga ayat enam *Surah Al Kaafiruun* bermaksud;

*“Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah, Dan aku tidak pernah menyembah apa yang kamu sembah, Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah, Untuk mu lah agama mu, dan untuk kulah agama ku”*.<sup>44</sup>



“ Ketika hulubalang dan bentara diarah mengasah senjata, sementara suara para wazir dan pembesar sudah semakin serak, berkemungkinan suara lembut lagi sederhana dari takhta boleh dipohon untuk membisikkan suara ukhuwah ke arah kesejahteraan.... ”

**“ .....perjalanan  
seribu batu bermula  
dengan langkah  
pertama; yang  
utama didahulukan  
demi menjamin  
kelangsungan sebuah  
negara bangsa  
yang berdaulat,  
aman, makmur lagi  
sejahtera.... ”**



Perbuatan melanggar sempadan agama lain secara keterlaluan – secara terbuka, dibimbangkan, berkemungkinan menjadi punca – mencetuskan berlakunya tragedi buruk. Perbuatan sedemikian wajib dihentikan; dihentikan serta-merta; dan secara tegas, dicegah dari dibenarkan terus berlaku. Sensitiviti agama tidak mengizinkan perkara agama diperdebatkan secara terbuka; kerana yang kurang arif berkemungkinan terlajak kata sehingga memetik contoh-contoh yang jahil. Bara keagamaan jangan dinyalakan, kelak nanti terbakar diri – kelak nanti terhangus negeri. Agama Islam terletak secara langsung di bawah bidang kuasa Raja-Raja. Kuasa Raja sebagai Ketua agama Islam wajib malah amat wajib dihormati. Pintu istana senantiasanya terbuka, membolehkan siapa juga yang berhasrat untuk menyembahkan pandangan, untuk mendapatkan panduan – untuk mendapatkan pedoman melalui perbincangan yang berlangsung secara tertutup tanpa perlu diuar-uarkan. Agama Islam jangan sama sekali dijadikan alat untuk memancing laba politik baik di kalangan umat Islam, lebih-lebih lagi di kalangan bukan Islam.

Kedua: Memberi erti dan makna kepada prinsip kedua Rukun Negara, ia itu Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Raja adalah simbol penyatuan; Raja kepada setiap warga. Di masa lalu, setelah ditabalkan, dianjurkan lawatan resmi Yang di-Pertuan Agong ke negeri-negeri, untuk memberi peluang kepada warga di setiap negeri dan di segala peringkat, merasakan Yang di-Pertuan Agong adalah *Raja kita*. Lawatan Diraja tersebut sangat simbolik - sangat signifikan, memberikan peluang kepada Baginda disembah taklimat secara langsung akan keadaan, kemajuan dan pembangunan di negeri-negeri di bawah payung naungan Baginda, malah pada masa yang sama dapat pula merangkaikan hubungan dua hala di antara Baginda dengan pemimpin dan warga di peringkat negeri. Setelah usia negara melangkaui lebih lima puluh tahun, adalah baik direnungkan semula perkara yang mungkin telah terlepas pandang.

Aspek 'Kesetiaan Kepada Negara' dimanifestasikan secara menghormati lambang negara; dua darinya adalah bendera negara, dinamakan '*Jalur Gemilang*' dan lagu kebangsaan dikenali '*Negaraku*'. Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz pernah mengatakan, apabila seseorang warga membuang sampah di merata tempat, ia sebenarnya telah membuktikan sikap tidak patriotik kepada negara kerana telah

mencemarkan bumi tanah tumpah darahnya. Apatah lagi jika simbol kebesaran negara dihina, secara memijak *Jalur Gemilang* dan secara tidak menghormati lagu *Negaraku* dengan mempersenda lirik dan iramanya.

Ketika Beta di bangku sekolah, Beta diasuh untuk menghormati bendera negara dan lagu kebangsaan. Bendera negara bukan hanya tidak boleh dipijak, malah dipastikan ketika upacara menaikkan bendera, kain bendera tidak tercecah bumi. Bendera negara dimuliakan, dikibarkan di puncak tiang, dinaikkan di sebelah pagi, diturunkan sebelum malam; dan lambang negara ini tidak dibiarkan berkelana, tertinggal di tiang-tiang selepas selesai upacara, hingga berakhir sebagai kain reput, kain koyak dan kain usang. Ia bukan sahaja tidak boleh dipijak, malah turut dilarang dari dipotong-potong, dijadikan material, dijahit dijadikan baju, dijadikan topi, dijadikan selimut. Jika ditampal di baju sekalipun, ia dimuliakan, diletakkan di dada dan bukan di pinggul, di paha, di lutut atau di kaki. Perkara ini amat asas, malangnya telah dilupakan. Hari ini, kelihatan ada kontinjen termasuk ketika menyertai perarakan Hari Kebangsaan turut menyalahgunakan pemakaian bendera negara. Kesilapan ini sepatutnya diberikan nasihat sewajarnya. Etika menghormati bendera negara wajib dihayati. Perbuatan menggunakan kain bendera sebagai material baju, material seluar dan material topi tidak harus dibenarkan berlaku.

Ketiga: Ketelusan dan integriti pentadbiran. Takhta Kerajaan didukung oleh tiga cabang utama Kerajaan; Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman. Di bawahnya terletak pelbagai instrumen pelaksana kerajaan berbentuk institusi awam, institusi pertahanan dan institusi keselamatan. Kepincangan di mana-mana peringkat Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman turut menjejaskan kedaulatan takhta. Demikian pula jika kepincangan merebak sampai di peringkat institusi pelaksana. Kedaulatan takhta tidak terlepas dari menerima tempas kerana kepincangan-kepincangan yang berlaku. Oleh yang demikian, kewibawaan cabang-cabang kerajaan demikian juga integriti institusi pelaksana wajib dipertahankan setiap masa.

Keempat: Keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang adalah kunci yang akan menentukan terjaminnya ketenteraman awam dan kestabilan politik. Undang-undang wajib dilaksanakan secara adil – secara saksama. Undang-undang jangan diizinkan untuk dilaksanakan secara selektif ataupun gagal dikuatkuasakan







sepenuhnya. Jika undang-undang gagal dikuatkuasakan dan jika keadilan tidak lagi tercermin, akan pincanglah alam dan kehidupan ini, lalu membolehkan yang lemah menjadi mangsa yang kuat. Apabila undang-undang dan keadilan mula diperdagangkan dengan ringgit dan sogokkan, akan menderitalah yang miskin dan akan bermaharajalelalah yang kaya. Negara maju amat menekankan aspek pentadbiran berlandaskan undang-undang dan keadilan. Dalam wawasan mencapai negara maju, aspek keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang sama sekali tidak boleh dikompromikan.

Kelima: Memahami dan mendalami konsep *Federal isme* berasaskan *Perkara-Perkara 73 hingga 95E Perlembagaan Persekutuan*. Negara Malaysia dianggotai oleh tiga belas negeri dan Wilayah Persekutuan. Ketua kepada sembilan negeri adalah Raja-Raja berdaulat, sementara empat negeri dipertanggungjawabkan kepada Yang Dipertua Negeri. Kerajaan Negeri terletak di bawah payung naungan Raja Pemerintah Negeri dan pengawasan Yang Dipertua Negeri. Amalan mengetepikan status Negeri adalah amalan yang boleh ditafsirkan sebagai tidak menghormati kedaulatan Raja dan tidak menghormati institusi Yang Dipertua di negeri-negeri. Hubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kini menjelmakan dimensi baru; ia semakin memeningkan kepala kakitangan awam yang berkhidmat di negeri-negeri. Mereka kini menghadapi dilema ketika memenuhi tanggung jawab untuk mengimbangkan kesetiaan, di antara Pihak Berkuasa Negeri dengan Pihak Berkuasa Persekutuan, terutama di kalangan mereka yang ditempatkan di negeri yang dikuasai oleh kumpulan politik yang bertalian parti dengan Kerajaan Persekutuan. Telah berlaku keadaan, Pegawai-pegawai awam Persekutuan yang bertugas di negeri, di larang menghadiri acara-acara rasmi di peringkat negeri termasuk acara yang dihadiri oleh Raja Pemerintah. Demikian juga dilaporkan bahawa Pegawai-pegawai Negeri juga turut dilarang menyertai acara-acara anjuran Kerajaan Persekutuan. Senario sedemikian nyata tidak menunjukkan kematangan budaya politik negara bangsa dan kurang mendalamnya kefahaman di kalangan penjawat awam akan konsep *Federal isme*.

Bidang kuasa yang terkandung dalam konsep *Federal isme*, antara kuasa negeri dan kuasa Persekutuan kini menuntut kepada perlunya atur urusan order perhubungan yang baru, demi tidak menyulitkan kakitangan awam untuk menyempurnakan

amanah dan demi memastikan warga tidak menjadi mangsa kepada pertelingkahan politik yang berpanjangan. Konsep *Federal isme* wajib difahami dan diperkenalkan orientasi baru terutama di kalangan penjawat awam. Kelainan politik, di antara Negeri dan Persekutuan jangan sampai menjejaskan hubungan warga, hingga memungkinkan warga kembali bersifat parokial kenegerian, lalu semakin tipis kesetiaan kepada negara bangsa.

Keenam: Pilihan raya adalah salah satu instrumen utama dalam sistem kerajaan yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Ia adalah proses warga diberikan hak untuk menentukan kerajaan. Kerajaan yang terbukti memenuhi janji dan mencipta rekod kejayaan membangunkan negara bangsa, sewajarnya memiliki keyakinan untuk kembali mendapat sokongan warga. Pilihan raya bukan medan perang yang bermatlamatkan menang semua. Pilihan raya bukan satu peperangan sivil. Tanggung jawab besar memastikan pilihan raya tidak akan menggugat kestabilan negara dan menjejaskan keharmonian warga, terletak di bahu barisan pimpinan kafilah politik di kedua-dua belah pihak, untuk memastikan suhu politik tidak membahang terlalu panas. Mengekalkan kuasa atau usaha untuk mendapatkan kuasa bukan segala-galanya. Negara bangsa lebih besar harganya dan tidak harus dileburkan dengan pendekatan politik yang memilih untuk berkerat rotan – berpatah arang, hingga pada akhirnya nanti yang menang menjadi arang – yang kalah menjadi abu.

40. Benang yang kusut perlu dirungkai. Dirungkai dengan teliti, agar benang tidak bertambah kusut – dirungkai secara sabar agar benang tidak terputus; dirungkai, sedikit demi sedikit, sehari selembat benang supaya akhirnya menjadi kain. Merungkai benang kusut memerlukan jari jemari yang belum terluka.

41. Majlis Raja-Raja adalah badan syura yang unik. Setiap Raja yang berangkat menghadiri mesyuarat Majlis, berserta Yang Dipertua Negeri, diiringi bersama oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing. Yang di-Pertuan Agong berangkat pada hari terakhir mesyuarat, diiringi Perdana Menteri. Badan syura ini, setidak-tidaknya merupakan badan yang telah dapat menggabungkan wakil negeri dan wakil Persekutuan, berbincang dalam suasana mesyuarah yang tertib, sopan, beradab lagi bertamadun. Kehadiran Menteri Besar dan Ketua Menteri, disandarkan kepada jawatan rasmi tanpa

sebarang identifikasi politik. Memandang ke hadapan, peranan badan syura ini boleh dipertingkatkan - diperluaskan agar berfungsi sebagai forum perundingan yang dapat mencantumkan pelbagai konstituen yang mewakili kafilah-kafilah politik yang berbeza. Potensi badan syura ini sebagai instrumen penyatuan dalam kepelbagaian sewajarnya dioptimumkan.

42. Saluran konsultasi jangan sama sekali dipinggirkan. Nasib negara bangsa jangan sama sekali diperjudikan. Ketika hulubalang dan bentara diarah mengasah senjata, sementara suara para wazir dan pembesar sudah semakin serak, berkemungkinan suara lembut lagi sederhana dari takhta boleh dipohon untuk membisikkan suara ukhuwah ke arah kesejahteraan, dalam semangat biduk berlalu kiambang bertaut, carik-carik bulu ayam, semoga sudahnya bercantum jua.

43. Ketika dilambung ombak globalisasi, warga perlu bijaksana mengimbangkan antara tuntutan tradisi (*claims of tradition*) dan permintaan terhadap pemodenan (*demands of modernity*), agar air tempayan tidak terlalu cepat dicurahkan kerana mendengar guruh di langit. Institusi Raja adalah penerusan tradisi untuk mengekalkan identiti negara bangsa, satu lambang kedaulatan – payung mahkota negara. Ia mungkin pelita lama tetapi kekal memancarkan cahaya. Pelita lama jangan terlalu cepat mahu dibuang kerana riak melihat fajar yang akan menyinsing; ingatlah hari siang juga akan berakhir, jangan nanti bila senja mendakap malam, warga mula teraba-raba, hilang haluan di selimuti kegelapan malam, kerana pelita lamanya sudah tiada lagi.

*“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran”.*<sup>45</sup>

44. Semoga Raja kita selamat bertakhta dan warga kekal aman, makmur dan bahagia, membina sebuah negara bangsa yang merdeka lagi berdaulat. Amin, Ya Rabul Alamin.

Wabillahi taufik, Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





*Galeri*

**SYARAHAN PERDANA BUDAYA**

“INSTITUSI RAJA BERPERLEMBAGAAN : KELANGSUNGAN NEGARA BANGSA”

















BINTANG DAN MANSARA  
MBER 2012























EMBAGAAIN : KELANGSUNGAN

Dizahirkan oleh

DULI YANG MAHA MULIA  
KU RAJAK DARUL IDZU  
RAJA ZRIN SH  
AN AUF BE



# SYARAHAN PERDANA BUDAYA

"INSTITUSI RAJA BERPERLEMBAGAAN : KELANGSUNGAN NEGARA BANGSA"

Ditahirkan oleh

DULI YANG MAHA MULIA

PERAK DARUL RIDZUAN

DR. NAZRIN SHAH

IBN ALAN MUHIBBUDDIN SHAH

PALESTRA BENDANG TRAHANSAYA

NOVEMBER 2017











*Biografi*






# *Indeks*



- <sup>1</sup> Al-Quran: Surah Ali 'Imran (3:26) (muka surat 15)
- <sup>2</sup> Al-Quran: Surah Al-Hudjrat (49:13) (muka surat 15)
- <sup>3</sup> Al-Quran, Surah Thaha, 20:25-28 (muka surat 15)
- <sup>4</sup> Raja Nazrin Shah, Peranan Institusi Raja Melayu Dalam Memupuk Perpaduan Warga, (Kuala Lumpur: RNS Publications, 2012), 4 (muka surat 19)
- <sup>5</sup> Ibid. (muka surat 19)
- <sup>6</sup> Simon C. Smith, "Moving a Little with the Tide": Malay Monarchy and the Development of Modern Malay Nationalism", The Journal of Imperial and Commonwealth History, Vol. 34, No.1, (March 2006) 133 (muka surat 19)
- <sup>7</sup> Raja Nazrin Shah, The Monarchy in Contemporary Malaysia, (Singapore: Institute South East Asian Studies, 2004), 11 (muka surat 20)
- <sup>8</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 32. (muka surat 20)
- <sup>9</sup> Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid, Satu Abad Majlis Raja-Raja 1897-1997, (Kuala Lumpur: Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, 1998), 191. (muka surat 20)
- <sup>10</sup> Ibid., 7 (muka surat 23)
- <sup>11</sup> Kumar Ramakrisna, Emergency Propaganda, The Winning of Malaysia Hearts and Minds 1948-1958, (Surrey: Curzon Press 2002) 56 (muka surat 23)
- <sup>12</sup> Harry Groves, The Constitution of Malaysia, (Singapore: Malaysia Publication Ltd., 1964). Lihat juga S. Jayakumar dan Trindale, "The Supreme Head of the Malaysian Federation", Malaya Law Review 6 (1966) 280-32 (muka surat 24)
- <sup>13</sup> Kamus Dewan: Edisi Ketiga, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 925 (muka surat 24)
- <sup>14</sup> Abdul Rahman Embong, Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), 13 (muka surat 27)
- <sup>15</sup> Wikipedia. (muka surat 27)
- <sup>16</sup> Rustam A. Sani, Melayu Baru dan Bangsa Malaysia, (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1993) dalam "Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Persepsi Mahasiswa Universiti Putra Malaysia Terhadap Proses Pembinaan Negara-Bangsa Malaysia" (muka surat 27)
- <sup>17</sup> Abdul Rahman Embong, 15. (muka surat 27)
- <sup>18</sup> Muhammad Yusof b. Hashim, "Kesultanan Melaka Dan Budaya Politik" dalam Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1), (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008) 189. (muka surat 32)
- <sup>19</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud, Budaya Ilmu dan Gagasan 1 Malaysia: Membina Negara Maju Dan Bahagia, (Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan BTN, 2010), 16 (muka surat 32)
- <sup>20</sup> Hadis riwayat Bukhari, Muslim, Tirmidhi, dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud, 19 (muka surat 32)
- <sup>21</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud, 42. (muka surat 32)
- <sup>22</sup> Fatimah Zainab binti Dzulkifli & Nazrul Dadziruddin bin Mohd. Zameri, "The Functions of Constitutional Monarchy in Malaysian Political System: The Perception of Malay Community" dalam Political Management and Policies in Malaysia, 363. (muka surat 32)
- <sup>23</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 32. (muka surat 35)
- <sup>24</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 44. (muka surat 35)
- <sup>25</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 66. (muka surat 35)
- <sup>26</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 55. (muka surat 35)
- <sup>27</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 41. (muka surat 35)
- <sup>28</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 42. (muka surat 35)
- <sup>29</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 153. (muka surat 35)
- <sup>30</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 40(2). (muka surat 35)
- <sup>31</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(3). (muka surat 35)
- <sup>32</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 43(5) dan 43A(3). (muka surat 35)
- <sup>33</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 150. (muka surat 35)
- <sup>34</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 150(2B) (muka surat 35)
- <sup>35</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 140(3) (muka surat 35)
- <sup>36</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 139(4). (muka surat 35)
- <sup>37</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 141A(2). (muka surat 35)
- <sup>38</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 137(3). (muka surat 35)
- <sup>39</sup> Perlembagaan Persekutuan, Bahagian Sembilan. (muka surat 35)
- <sup>40</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 105. (muka surat 35)
- <sup>41</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 145(1) (muka surat 35)
- <sup>42</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114(1) (muka surat 35)
- <sup>43</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114(2) (muka surat 35)
- <sup>44</sup> Al-Quran, Surah Al-Kaafiruun (109:3-6) (muka surat 40)
- <sup>45</sup> Al-Quran, Surah al-Ashr, (103:1-3) (muka surat 49)

Diterbitkan oleh  
Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara  
Tingkat 1-4 Blok F,  
Kompleks Kerajaan Bukit Perdana,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur,  
Malaysia.  
[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)



JABATAN KEBUDAYAAN  
& KESANIAN NEGARA  
جہاتن کبودایان دان کسئیان نگارا

Reka Bentuk Kulit dan Reka Letak oleh  
**Jiwa Remaja Sdn Bhd**

Dicetak oleh  
**Nur Niaga Sdn Bhd**